



INDEKS

GAYA HIDUP

Teks : Johan Kassim



PILIHAN
GLAM
LELAKI!



PAMERAN FOTOGRAFI LIS & LET LIVE

Chuan Looi jurugambar fesyen tempatan yang banyak memotretkan kempen-kempen iklan selain kolaborasi bersama jenama antarabangsa Dior, Louis Vuitton dan Bottega Veneta. Pameran solonya Lis & Let Live mengumpulkan wajah-wajah ternama serantau yang dipotretkan Chuan secara artistik. Pameran berlangsung 18 dan 19 Januari 2014 percuma di Aras 1, Avenue K.



USAHA MURNI EMPOWERED

Organisasi EMPOWERED – The Cancer Advocacy Society of Malaysia mengadakan majlis amal buat kali ketiga di Elegance Club Sdn. Bhd, Bangsar. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Y. Bhg Tan Sri Michelle Yeoh. Majlis ini bertujuan membantu pesakit-pesakit barah dan kurang mampu di Malaysia. EMPOWERED adalah organisasi bukan berasaskan keuntungan. Sejak penubuhannya, EMPOWERED terlibat dalam aktiviti sukarelawan dan pembiayaan dana untuk melaksanakan program-program tertentu. Dr. Christina Ng, selaku Presiden dan Pengasas EMPOWERED turut hadir.


FILEM JANUARI



LAST VEGAS

Jarang sekali filem komedi yang menampilkan pelakon-pelakon veteran. Last Vegas mengisahkan tentang lima sekawan sejak kecil. Kini mereka berempat mengembara ke Las Vegas untuk menyambut parti bujang salah seorang daripada mereka.

Pelbagai kisah lucu bakal menggeletak penonton. Robert De Niro, Michael Douglas dan Morgan Freeman pelakon utama filem ini.



MANDELA:

LONG WALK TO FREEDOM

Filem berdasarkan buku autobiografi karya Nelson Mandela sendiri. Pengisahan Mandela menjadi lebih tegang setelah dia menceburi bidang politik dan memperjuangkan kebebasan rakyat terutamanya semasa

menegakkan pergerakan *anti-apartheid*. Kisah cinta antara Mandela dan Winnie turut diketengahkan.



ROBOCOP

Masih ingat akan fenomena Robocop sekitar 90-an? Robocop versi moden ini diberi nafas baru dalam sut seragamnya. Lebih moden dan *clean-cut*. Kisah bermula apabila Alex Murphy ditimpa kemalangan secara mengejut dan cedera parah. Jalan cerita disambung dengan pelbagai rintangan yang terpaksa dilalui oleh Alex untuk menerima dirinya yang baru selain konflik keluarga. Joel Kinnaman memegang watak Robocop.